



KEMPEN

# DEPOSIT BONANZA

SIMPAN BERTIMBUN, HADIAH MERIMBUN

Hadiah Keseluruhan Bernilai Lebih

# RM1,500,000.00

1 April 2022 - 31 Mac 2023

The promotional banner for the "KEMPEN DEPOSIT BONANZA" features a red border and a background of gold coins falling from the top. The main text "KEMPEN DEPOSIT BONANZA" is prominently displayed in the center. Below it, the slogan "SIMPAN BERTIMBUN, HADIAH MERIMBUN" and "Hadiah Keseluruhan Bernilai Lebih" are shown. A large sum of "RM1,500,000.00" is highlighted in red. The date range "1 April 2022 - 31 Mac 2023" is also included. At the bottom, there is an image of nine Proton X50 SUVs arranged in a curve, with gold confetti scattered around them.

Deposit di **AGROBANK** dan  
berpeluang memenangi  
hadiah!

\* Tertakluk pada terma dan syarat

\* Visual hanya untuk tujuan ilustrasi sahaja

Untuk maklumat lanjut,  
sila imbas **KOD QR**



## SIAPA YANG LAYAK MENYERTAI KEMPE?

- Pemegang Akaun AgroPrimaS atau AgroTani-i PLUS atau AgroPerdana-i PLUS
    - Satu (1) Mata Penyertaan bagi setiap RM10.00\*
- \*Tertakluk pada terma dan syarat

KATEGORI CABUTAN	AKAUN DEPOSIT YANG LAYAK	HADIAH	TEMPOH
<b>CABUTAN UTAMA WILAYAH</b>	AgroPrimaS atau AgroTani-i PLUS atau AgroPerdana-i PLUS	Satu (1) unit <b>PROTON X50 X</b> lapan (8) Wilayah	1 April 2022 - 31 Mac 2023
<b>CABUTAN SUKU TAHUN WILAYAH (INDIVIDU)</b>	AgroPrimaS atau AgroTani-i PLUS	<b>HADIAH SETIAP SUKU TAHUN X EMPAT (4) SUKU TAHUN</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Hadiah Pertama <b>RM5,000.00</b></li> <li>• Hadiah Kedua <b>RM3,000.00</b></li> <li>• Hadiah Ketiga <b>RM2,000.00</b></li> <li>• Hadiah Keempat <b>RM1,000.00</b></li> <li>• Hadiah Kelima <b>RM500.00</b></li> </ul>	<b>SUKU TAHUN PERTAMA</b> 1 April 2022 - 30 Jun 2022  <b>SUKU TAHUN KEDUA</b> 1 Julai 2022 - 30 September 2022  <b>SUKU TAHUN KETIGA</b> 1 Oktober 2022 - 31 Disember 2022  <b>SUKU TAHUN KEEMPAT</b> 1 Januari 2023 - 31 Mac 2023
<b>CABUTAN SUKU TAHUN WILAYAH (BUKAN INDIVIDU)</b>	AgroPrimaS atau AgroPerdana-i PLUS	<b>HADIAH SETIAP SUKU TAHUN X EMPAT (4) SUKU TAHUN</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Hadiah Pertama <b>RM5,000.00</b></li> <li>• Hadiah Kedua <b>RM3,000.00</b></li> <li>• Hadiah Ketiga <b>RM2,000.00</b></li> <li>• Hadiah Keempat <b>RM1,000.00</b></li> <li>• Hadiah Kelima <b>RM500.00</b></li> </ul>	



Leboh Pasar Besar, 50726,  
Kuala Lumpur Malaysia

**Tel:** +603 2731 1600

**Faks:** +603 2691 7790

**E-mel:**  
customer@agrobank.com.my

Untuk maklumat lanjut berhubung produk tersebut, Pelanggan boleh menghubungi **Pusat Panggilan Agrobank** di talian **1-300-88-2476** atau layari laman sesawang korporat kami di [www.agrobank.com.my](http://www.agrobank.com.my) atau kunjungi cawangan kami yang terdekat dengan mematuhi Garis Panduan yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara

**TERMA DAN SYARAT**

***KEMPEN DEPOSIT BONANZA “SIMPAN BERTIMBUN HADIAH MERIMBUN”***

**1. DEFINISI**

“Bank”	Merujuk kepada Bank Pertanian Malaysia Berhad (200801010522 (811810-U)) yang mempunyai alamat berdaftar di Tingkat 3, Bangunan Agrobank, Leboh Pasar Besar, 50726 Kuala Lumpur.
“Cabutan”	Merujuk kepada proses cabutan yang akan dilakukan oleh pihak Bank bagi tujuan pemilihan pemenang bagi Kempen.
“Cabutan Suku Tahun Wilayah” (Kategori Bukan Individu)	Merujuk kepada salah satu kategori cabutan di mana Pelanggan (bukan-Individu) dikategorikan mengikut wilayah tempat akaun dibuka. Pengiraan mata ganjaran berdasarkan tiga bulan simpanan. Penyertaan kategori cabutan ini adalah bagi pelanggan yang memperoleh mata ganjaran daripada akaun AgroPrimaS atau AgroPerdana- <i>i</i> PLUS
“Cabutan Suku Tahun Wilayah” (Kategori Individu)	Merujuk kepada salah satu kategori cabutan di mana Pelanggan (Individu) dikategorikan mengikut wilayah tempat akaun dibuka. Pengiraan mata ganjaran berdasarkan tiga bulan simpanan. Penyertaan kategori cabutan ini adalah bagi pelanggan yang memperoleh mata ganjaran daripada akaun AgroPrimaS atau AgroTani- <i>i</i> PLUS
“Cabutan Utama Wilayah”	Merujuk kepada salah satu kategori cabutan dimana pelanggan dikategorikan mengikut wilayah tempat akaun dibuka. Penyertaan kategori cabutan bagi yang mempunyai mata ganjaran daripada akaun AgroPrimaS atau AgroTani- <i>i</i> PLUS atau AgroPerdana- <i>i</i> PLUS
“Hadiah Kempen”	Merujuk kepada hadiah yang ditawarkan bagi pemenang kempen berdasarkan kategori yang ditawarkan.
“Kakitangan”	Merujuk kepada kakitangan Agrobank.
“Kempen”	Merujuk kepada Kempen “Deposit Bonanza”
“Mata Penyertaan”	Merujuk kepada mata yang layak diterima oleh Pelanggan tertakluk kepada terma dan syarat Kempen yang dinyatakan di sini.
“Pelanggan”	Merujuk kepada Pelanggan Baru atau Pelanggan Sedia Ada yang melanggan mana-mana produk atau servis Agrobank di bawah kempen ini.
“Pemenang”	Merujuk kepada Pelanggan yang telah dikenal pasti untuk memenangi hadiah Kempen berdasarkan proses Cabutan yang dilakukan oleh pihak Bank.
“Pemenang Simpanan”	Merujuk kepada Pemenang yang dikenal pasti semasa proses Cabutan dilakukan dan disenaraikan sebagai pemenang simpanan. Pihak Bank berhak

	untuk memberikan hadiah kempen kepada Pemenang Simpanan yang dikenal pasti sekiranya Pemenang yang telah dikenalpasti tidak layak untuk menerima hadiah atas apa jua sebab yang diputuskan oleh pihak Bank.
“Pengenalan Diri”	Merujuk kepada dokumen rasmi yang diiktiraf oleh kerajaan Malaysia bagi tujuan pengesahan pengenalan diri seperti Kad Pengenalan atau Paspot.
“Prinsip Hibah Mu’allaqah (Hibah Bersyarat)”	Merujuk kepada prinsip pemberian pemilikan sesuatu barang kepada seseorang dengan dikaitkan atau disyaratkan berlakunya sesuatu perkara.
“Produk dan/atau Perkhidmatan”	Merujuk kepada produk dan/atau servis yang ditawarkan oleh Bank dalam Tempoh Kempen (seperti yang diperincikan di bawah) yang perlu dilanggan oleh pelanggan bagi tujuan pengiraan Mata Penyertaan.
Wilayah	Merujuk kepada wilayah yang ditetapkan oleh pihak Agrobank.

## 2. TEMPOH KEMPEN

2.1. Kempen ini bermula dari 1 April 2022 sehingga 31 Mac 2023.

## 3. KONSEP SYARIAH

- 3.1. Konsep Syariah yang digunakan bagi Kempen ini adalah prinsip Hibah Mu’allaqah (Hibah Bersyarat).
- 3.2. Berdasarkan prinsip Hibah Mu’allaqah, pihak Bank akan memberikan hadiah kepada Pelanggan yang berjaya memenuhi segala terma dan syarat yang ditetapkan oleh pihak Bank dan dikenal pasti sebagai Pemenang.

## 4. KELAYAKAN

- 4.1. Kempen ini terbuka kepada Pelanggan Baru dan Pelanggan Sedia Ada Agrobank yang membuka AgroPrimaS atau AgroTani-i PLUS atau AgroPerdana-i PLUS dalam tempoh kempen.
- 4.2. Kakitangan Agrobank tidak layak menyertai Kempen ini.
- 4.3. Kelayakan dari segi umur dan lain-lain perkara adalah tertakluk kepada terma dan syarat Produk dan/atau Servis.
- 4.4. Bagi pemegang Akaun Bersama, hanya pemegang akaun utama layak untuk menyertai Kempen ini.
- 4.5. Kelayakan mengikut nilai minimum deposit permulaan adalah tertakluk kepada terma dan syarat Produk dan/atau Servis.
- 4.6. Pelanggan yang layak perlu membuka akaun, mengekalkan, dan menambah deposit dalam AgroPrimaS atau AgroPerdana-i PLUS atau AgroTani- i PLUS dalam tempoh kempen untuk menyertai kategori cabutan berikut:

Kategori Cabutan	Baki minimum
Cabutan Utama Wilayah	Mengekalkan deposit minimum sekurang-kurangnya RM 3,000 pada penghujung kempen.
Cabutan Suku Tahun Wilayah (Kategori Individu)	Mengekalkan deposit minimum sekurang-kurangnya RM 1,500 pada setiap suku tahun.
Cabutan Suku Tahun Wilayah (Kategori Bukan Individu)	Mengekalkan deposit minimum sekurang-kurangnya RM 3,000 pada setiap suku tahun.

- 4.7. Penyertaan cabutan adalah berdasarkan lokaliti pembukaan akaun pelanggan.
- 4.8. Pelanggan yang layak perlu membuka akaun, mengekalkan, dan menambah deposit dalam tempoh kempen untuk mendapatkan Mata Penyertaan mengikut kategori cabutan masing-masing.
- 4.9. Pelanggan yang layak akan diberikan Mata Penyertaan berdasarkan nilai deposit yang telah ditetapkan oleh Bank berdasarkan kategori berikut:

Kategori Cabutan	Mata Penyertaan	Tempoh
Cabutan Utama Wilayah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Satu (1) Mata Penyertaan bagi setiap RM10.00 baki AgroPrimaS.</li> <li>• Satu (1) Mata Penyertaan bagi setiap peningkatan RM 10.00 baki AgroTani-<i>i</i> PLUS or AgroPerdana-<i>i</i> PLUS.</li> </ul>	1 April 2022 – 31 Mac 2023
Cabutan Suku Tahun Wilayah (Kategori Individu)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Satu (1) Mata Penyertaan bagi setiap peningkatan RM10.00 baki AgroPrimaS.</li> <li>• Satu (1) Mata Penyertaan bagi setiap peningkatan RM 10.00 baki AgroTani-<i>i</i> PLUS.</li> </ul>	<u>Suku Pertama:</u> 1 April 2022 – 30 Jun 2022 <u>Suku Kedua:</u> 1 Julai 2022 – 30 September 2022 <u>Suku Ketiga:</u> 1 Oktober 2022 – 31 Disember 2022 <u>Suku Keempat:</u> 1 Januari 2023 – 31 Mac 2023
Cabutan Suku Tahun Wilayah (Kategori Bukan Individu)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Satu (1) Mata Penyertaan bagi setiap peningkatan RM10.00 baki AgroPrimaS.</li> <li>• Satu (1) Mata Penyertaan bagi setiap peningkatan RM 10.00 baki AgroPerdana-<i>i</i> PLUS.</li> </ul>	

\* TERTAKLUK KEPADA TERMA DAN SYARAT

- 4.10. Formula pengiraan peningkatan baki adalah seperti berikut: -

**Peningkatan Baki** = Baki akhir tempoh – Baki awal tempoh

- 4.11. Contoh Pengiraan Mata Penyertaan

**Contoh 1**

Pelanggan menambah/mengekalkan deposit RM 3,000 dalam akaun Agro PrimaS pada 31 Mac 2023  
Cabutan Utama Wilayah

$$\frac{\text{RM } 3,000}{10} = 300 \text{ MP}$$

**Contoh 2**

Pelanggan membuat peningkatan baki RM 1,500 dalam akaun AgroTani- i PLUS pada 30 September 2022 dalam Cabutan Suku Tahun Wilayah Kategori Individu (Suku Kedua)

$$\frac{\text{RM } 1,500}{10} = 150 \text{ MP}$$

- 4.12. Satu (1) Mata Penyertaan Tambahan bagi pelanggan yang layak akan diberikan bagi setiap RM 100 pengekalan deposit setiap bulan.
- 4.13. Contoh pengiraan kelayakan Mata Penyertaan Tambahan:

Item	April	Mei	Jun
MP tambahan terkumpul daripada bulan sebelumnya	0	5	10
Tambahan nilai deposit AgroPrimaS/ AgroPerdana-i PLUS / AgroTani- i PLUS	500	0	0
Baki AgroPrimaS/ AgroPerdana-i PLUS / AgroTani- i PLUS	500	500	500
MP Tambahan bulanan bagi pengekalan deposit	0	5	5

**5. PEMILIHAN DAN MAKLUMAN PEMENANG**

- 5.1 Pelanggan hendaklah memenuhi kriteria yang telah ditetapkan oleh pihak Bank untuk melayakkan diri menyertai Kempen ini.
- 5.2 Pemilihan Pemenang akan dijalankan berdasarkan kaedah Cabutan pada tarikh dan lokasi yang akan dimaklumkan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa.
- 5.3 Kaedah Cabutan elektronik akan digunakan bagi proses pemilihan di mana ia akan dipantau oleh Jawatankuasa Pemilihan yang dilantik oleh pihak Bank. Sebarang keputusan hasil daripada Cabutan yang dilakukan adalah muktamad. Sebarang rayuan, bantahan atau pertanyaan daripada Pelanggan tidak akan dilayan.
- 5.4 Nama Pemenang akan diumumkan melalui laman sesawang rasmi Agrobank di [www.agrobank.com.my](http://www.agrobank.com.my). Pemenang akan dihubungi oleh pihak Bank menggunakan maklumat terkini yang telah diberikan kepada pihak Bank. Sekiranya Pemenang tersebut tidak dapat dihubungi kerana informasi yang telah diberikan adalah salah, hadiah tersebut akan diberikan kepada Pemenang Simpanan.
- 5.5 Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan bersetuju untuk membenarkan Bank untuk menggunakan, memaparkan atau menerbitkan nama, gambar dan/atau lain-lain maklumat berkaitan Pemenang bagi tujuan publisiti dan pengiklanan. Pelanggan perlu menghubungi pihak Bank sekiranya ingin menarik balik mana-mana kebenaran yang telah diberikan. Pelanggan dinasihatkan untuk merujuk kepada Notis Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dengan melayari laman rasmi Bank di [www.agrobank.com.my](http://www.agrobank.com.my).

## 6.0 HADIAH KEMPEN DAN TUNTUTAN HADIAH

- 6.1 Senarai Hadiah Kempen yang ditawarkan kepada Pelanggan untuk dimenangi bagi Cabutan boleh dirujuk pada Lampiran 1.
- 6.2 Hadiah yang dimenangi oleh Pemenang tidak boleh dipindahmilik kepada pihak ketiga dan tidak boleh ditukar dari segi spesifikasi hadiah seperti yang telah ditetapkan oleh pihak Bank. Hadiah yang ditawarkan adalah seperti yang telah dimaklumkan kepada Pelanggan. Walau bagaimanapun, pihak Bank berhak untuk mengubah atau menukar hadiah yang ditawarkan kepada produk, model, jenama atau spesifikasi yang lain berdasarkan nilai hadiah yang ditawarkan tertakluk kepada makluman awal yang diberikan kepada pelanggan melalui saluran komunikasi bank seperti laman web.
- 6.3 Para Pemenang akan dihubungi oleh pihak Bank melalui panggilan telefon sekurang-kurangnya tiga (3) kali panggilan bagi memastikan Pelanggan dapat dihubungi untuk memaklumkan sebagai pemenang. Sekiranya Pelanggan tidak dapat dihubungi walaupun panggilan telah dibuat, pihak Bank berhak untuk menawarkan hadiah tersebut kepada Pemenang Simpanan.
- 6.4 Pemenang perlu membuat tuntutan hadiah dalam tempoh dua puluh satu (21) hari bekerja bermula dari tarikh Pelanggan dihubungi oleh pihak Bank. Kegagalan untuk berbuat demikian akan menyebabkan Pemenang hilang kelayakan untuk menerima hadiah tersebut.

## 7.0 PERUNTUKAN UMUM

- 7.1 Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat yang dinyatakan di sini serta sebarang keputusan yang dibuat oleh pihak Bank melibatkan Kempen ini.
- 7.2 Sebarang fi dan caj yang terlibat dalam Kempen ini hendaklah bergantung kepada ciri-ciri Akaun Simpanan Tawarruq. Pelanggan adalah dinasihatkan untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai fi dan caj seperti di bawah:
  - i. Pusat Panggilan Pelanggan Bank 1-300-88-2476.
  - ii. Layari laman sesawang rasmi Bank di [www.agrobank.com.my](http://www.agrobank.com.my) ;
  - iii. Kunjungi Cawangan Bank berdekatan dengan mematuhi Garis Panduan yang di keluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara.
- 7.3 Segala terma dan syarat yang terdapat di dalam Terma dan Syarat ini dan juga sebarang keputusan yang dibuat oleh pihak Bank berhubung Kempen ini adalah muktamad dan konklusif. Pihak Bank tidak akan melayan sebarang rayuan atau pertikaian melibatkan keputusan yang telah dibuat oleh pihak Bank.
- 7.4 Pihak Bank berhak untuk membatalkan, menggantung atau mengubah mana-mana terma dan syarat bagi Kempen ini dengan notis sekurang-kurangnya 21 hari sebelum sebarang pembatalan, penggantungan dan perubahan yang dimaksudkan berkuatkuasa. Notis tersebut akan dimaklumkan kepada Pelanggan melalui kaedah dan saluran yang dikenalpasti oleh pihak Bank termasuk tetapi tidak

terhad melalui pos, notis di cawangan Bank, melalui transaksi elektronik atau di dalam laman sesawang rasmi Agrobank di [www.agrobank.com.my](http://www.agrobank.com.my)

- 7.5 Bagi sebarang pembatalan, penggantungan atau perubahan yang dilakukan oleh pihak Bank, Pelanggan tidak berhak untuk membuat sebarang tuntutan kepada pihak Bank atau menerima sebarang pampasan daripada pihak Bank bagi sebarang kehilangan atau kerugian secara langsung atau tidak langsung yang ditanggung oleh Pelanggan.
- 7.6 Jika terdapat sebarang keraguan yang munasabah, kekaburan, kecelaruan atau pertikaian melibatkan Kempen ini dan juga sebarang material pemasaran yang digunakan dalam kempen ini, rujukan utama akan dilakukan kepada terma dan syarat Kempen ini dalam versi Bahasa Malaysia.

**LAMPIRAN 1**

**KEMPEN DEPOSIT BONANZA “SIMPAN BERTIMBUN HADIAH MERIMBUN”**

Kategori Cabutan	Akaun Deposit yang layak	Hadiah	Tempoh
Cabutan Utama Wilayah	AgroPrimaS atau AgroTani- <i>i</i> PLUS or AgroPerdana- <i>i</i> PLUS	1 Proton X50 x 8 Wilayah	1 April 2022 – 31 Mac 2023
Cabutan Suku Tahun Wilayah (Individu)	AgroPrimaS atau AgroTani- <i>i</i> PLUS	Hadiah Setiap Suku Tahun x 4 Suku Tahun Hadiah Pertama – RM 5,000 Hadiah Kedua – RM 3,000 Hadiah Ketiga – RM 2,000 Hadiah Keempat – RM 1,000 Hadiah Kelima – RM 500	<b>Suku Tahun 1</b> 1 April 2022 – 30 Jun 2022  <b>Suku Tahun 2</b> 1 Julai 2022 – 30 September 2022  <b>Suku Tahun 3</b> 1 Oktober 2022 – 31 Disember 2022
Cabutan Suku Tahun Wilayah (Bukan-Individu)	AgroPrimaS atau AgroPerdana- <i>i</i> PLUS	Hadiah Setiap Suku Tahun x 4 Suku Tahun Hadiah Pertama – RM 5,000 Hadiah Kedua – RM 3,000 Hadiah Ketiga – RM 2,000 Hadiah Keempat – RM 1,000 Hadiah Kelima – RM 500	<b>Suku Tahun 4</b> 1 Januari 2023 – 31 Mac 2023

\* TERTAKLUK KEPADA TERMA DAN SYARAT

**Kempen “DEPOSIT BONANZA”**

No.	Soalan	Jawapan		
1	Apakah itu Kempen “Deposit Bonanza”?	Kempen “Deposit Bonanza” adalah Kempen yang dianjurkan bertujuan untuk menggalakkan Pelanggan membuat simpanan dengan Agrobank di bawah AgroPrimaS atau AgroTani-i PLUS atau AgroPerdana-i PLUS dan berpeluang memenangi Hadiah Kempen.		
2	Berapa lamakah tempoh Kempen ini akan dijalankan?	Kempen ini akan dijalankan selama tempoh dua belas (12) bulan bermula daripada 1 April 2022 sehingga 31 Mac 2023.		
3	Apakah mekanisma Kempen ini?	Mekanisma utama yang digunakan dalam Kempen ini adalah cabutan bertuah bagi menentukan pemenang. Pelanggan akan diberikan mata penyertaan (MP) sewajarnya sekiranya Pelanggan memenuhi kesemua syarat dan terma Kempen seperti yang ditetapkan oleh Bank. Mata penyertaan ini akan menentukan bilangan peluang yang dimiliki oleh Pelanggan bagi cabutan bertuah yang diadakan.		
5	Apakah konsep shariah yang digunakan bagi Kempen ini?	Kempen ini adalah patuh Syariah dan menggunakan pakai konsep <i>Hibah Mu’allaqah</i> di mana pihak Bank akan memberikan hadiah kepada Pelanggan yang berjaya memenuhi segala terma dan syarat yang ditetapkan oleh Bank dan dikenal pasti oleh Bank sebagai Pemenang.		
6	Apakah Kategori Cabutan yang boleh disertai dalam kempen ini?	Kempen ini mempunyai tiga (3) Kategori Cabutan seperti berikut: <ol style="list-style-type: none"> <li>Cabutan Utama Wilayah</li> <li>Cabutan Suku Tahun Wilayah (Kategori Individu)</li> <li>Cabutan Suku Tahun Wilayah (Kategori Bukan Individu)</li> </ol>		
7	Siapakah yang boleh menyertai Kempen ini?	Kempen ini terbuka kepada Pelanggan yang membuka Akaun AgroPrimaS atau AgroTani-i PLUS atau AgroPerdana-i PLUS, sama ada merupakan pelanggan baru atau pelanggan sedia ada Bank; dengan syarat Pelanggan memenuhi syarat-syarat Kempen yang telah ditetapkan oleh pihak Bank.		
8	Apakah syarat-syarat kelayakan Cabutan Utama Wilayah?	Pelanggan baru dan Pelanggan sedia ada yang membuka AgroPrimaS atau AgroTani-i PLUS atau AgroPerdana-i PLUS dalam Tempoh Kempen dengan memenuhi syarat berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>Pelanggan yang layak perlu membuka akaun, mengekalkan, dan menambah deposit dalam AgroPrimaS atau AgroPerdana-i PLUS atau AgroTani-i PLUS dalam tempoh kempen untuk menyertai kategori cabutan berikut:</li> </ul> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Kategori Cabutan</th> <th>Baki minimum</th> </tr> </thead> </table>	Kategori Cabutan	Baki minimum
Kategori Cabutan	Baki minimum			

		<table border="1"> <tr> <td>Cabutan Utama Wilayah</td><td>Mengekalkan deposit minimum sekurang-kurangnya RM 3,000 pada penghujung kempen.</td></tr> </table> <p><b>*Tertakluk kepada Terma dan Syarat</b>  Mata Penyertaan bagi Kategori Cabutan Utama Wilayah adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Satu (1) Mata Penyertaan bagi setiap RM10.00 baki akaun AgroPrimaS</li> <li>ii. Satu (1) Mata Penyertaan bagi setiap peningkatan RM 10.00 dalam AgroTani-<i>i</i> PLUS atau AgroPerdana-<i>i</i> PLUS.</li> </ul> <p>Kegagalan untuk memenuhi Terma dan Syarat seperti yang telah ditetapkan akan menyebabkan pelanggan tidak layak menyertai cabutan bertuah tersebut. Mohon rujuk maklumat lengkap di dalam Terma dan Syarat Kempen yang telah disediakan.</p>	Cabutan Utama Wilayah	Mengekalkan deposit minimum sekurang-kurangnya RM 3,000 pada penghujung kempen.		
Cabutan Utama Wilayah	Mengekalkan deposit minimum sekurang-kurangnya RM 3,000 pada penghujung kempen.					
9	Apakah syarat-syarat kelayakan Cabutan Suku Tahun Wilayah (Kategori Individu)	<p>Pelanggan baru dan Pelanggan sedia ada yang membuka AgroPrimaS atau AgroTani-<i>i</i> PLUS dalam Tempoh Kempen dengan memenuhi syarat berikut:</p> <p>Pelanggan yang layak perlu membuka akaun, mengekalkan, dan menambah deposit dalam AgroPrimaS atau AgroTani-<i>i</i> PLUS dalam tempoh kempen untuk menyertai kategori cabutan berikut:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Kategori Cabutan</th><th>Baki minimum</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Cabutan Suku Tahun Wilayah (Kategori Individu)</td><td>Mengekalkan deposit minimum sekurang-kurangnya RM 1,500 pada setiap suku tahun.</td></tr> </tbody> </table> <p><b>*Tertakluk kepada Terma dan Syarat</b>  Mata Penyertaan bagi Kategori Cabutan Suku Tahun Wilayah (Kategori Individu) adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Satu (1) Mata Penyertaan bagi setiap peningkatan RM10.00 baki akaun AgroPrimaS</li> <li>ii. Satu (1) Mata Penyertaan bagi setiap peningkatan RM 10.00 dalam Akaun Agro Tani-<i>i</i> PLUS.</li> </ul> <p>Kegagalan untuk memenuhi Terma dan Syarat seperti yang telah ditetapkan akan menyebabkan pelanggan tidak layak menyertai cabutan bertuah tersebut. Mohon rujuk maklumat lengkap di dalam Terma dan Syarat Kempen yang telah disediakan.</p>	Kategori Cabutan	Baki minimum	Cabutan Suku Tahun Wilayah (Kategori Individu)	Mengekalkan deposit minimum sekurang-kurangnya RM 1,500 pada setiap suku tahun.
Kategori Cabutan	Baki minimum					
Cabutan Suku Tahun Wilayah (Kategori Individu)	Mengekalkan deposit minimum sekurang-kurangnya RM 1,500 pada setiap suku tahun.					
10	Apakah syarat-syarat kelayakan Cabutan Suku Tahun Wilayah (Kategori Bukan-Individu)	<p>Kelayakan Cabutan Suku Tahun Wilayah (Kategori Bukan-Individu) adalah terbuka kepada pelanggan baru dan pelanggan sedia ada yang membuka AgroPrimaS atau AgroPerdana-<i>i</i> PLUS dalam Tempoh Kempen dengan memenuhi syarat berikut:</p> <p>Pelanggan yang layak perlu membuka akaun, mengekalkan, dan menambah deposit dalam AgroPrimaS atau AgroTani-<i>i</i></p>				

		<p>PLUS dalam tempoh kempen untuk menyertai kategori cabutan berikut:</p> <table border="1"> <tr> <td>Kategori Cabutan</td><td>Baki minimum</td></tr> <tr> <td>Cabutan Suku Tahun Wilayah (Kategori Bukan Individu)</td><td>Mengekalkan deposit minimum sekurang-kurangnya RM 3,000 pada setiap suku tahun.</td></tr> </table> <p><b>*Tertakluk kepada Terma dan Syarat</b>  Mata Penyertaan bagi Kategori Cabutan Suku Tahun Wilayah (Kategori Bukan Individu) adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Satu (1) Mata Penyertaan bagi setiap peningkatan RM10.00 baki akaun AgroPrimaS</li> <li>ii. Satu (1) Mata Penyertaan bagi setiap peningkatan RM 10.00 dalam AgroPerdana- i PLUS.</li> </ul> <p>Kegagalan untuk memenuhi Terma dan Syarat seperti yang telah ditetapkan akan menyebabkan pelanggan tidak layak menyertai cabutan bertuah tersebut. Mohon rujuk maklumat lengkap di dalam Terma dan Syarat Kempen yang telah disediakan.</p>	Kategori Cabutan	Baki minimum	Cabutan Suku Tahun Wilayah (Kategori Bukan Individu)	Mengekalkan deposit minimum sekurang-kurangnya RM 3,000 pada setiap suku tahun.
Kategori Cabutan	Baki minimum					
Cabutan Suku Tahun Wilayah (Kategori Bukan Individu)	Mengekalkan deposit minimum sekurang-kurangnya RM 3,000 pada setiap suku tahun.					
11	Bilakah pemilihan Pemenang akan dilakukan?	<p>Pemilihan Pemenang akan dijalankan berdasarkan pada tarikh dan lokasi (tertakluk kepada perubahan mengikut budi bicara pihak Bank) seperti di bawah :</p> <table border="1"> <tr> <td>Jenis Cabutan</td><td>Tempat</td></tr> <tr> <td>Cabutan Bertuah</td><td>Ibu Pejabat Agrobank</td></tr> </table>	Jenis Cabutan	Tempat	Cabutan Bertuah	Ibu Pejabat Agrobank
Jenis Cabutan	Tempat					
Cabutan Bertuah	Ibu Pejabat Agrobank					
12	Bagaimanakah untuk saya mendapatkan sebarang pertanyaan dan maklumat berkaitan Kempen?	<p>Maklumat Kempen boleh diperoleh melalui medium berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menghubungi Pusat Panggilan Agrobank di talian 1300-88-2476</li> <li>2. Layari laman sesawang rasmi Agrobank di <a href="http://www.agrobank.com.my">www.agrobank.com.my</a>.</li> <li>3. Kunjungi Cawangan Bank berdekatan dengan mematuhi Garis Panduan yang di keluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara.</li> </ol>				
13	Bagaimanakah cara saya untuk menebus Hadiah Kempen?	<p>Para Pemenang akan dihubungi oleh pihak Bank melalui panggilan telefon sekurang-kurangnya tiga (3) kali panggilan bagi memastikan Pelanggan dapat dihubungi untuk memaklumkan sebagai Pemenang.</p> <p>Setelah mendapat notifikasi, Hadiah Kempen akan dikreditkan ke akaun Pemenang dalam tempoh dua puluh satu (21) hari bekerja bermula dari tarikh Pelanggan dihubungi oleh pihak Bank.</p> <p>Sekiranya Pelanggan tidak dapat dihubungi walaupun panggilan telah dibuat, pihak Bank berhak untuk menawarkan hadiah tersebut kepada Pemenang Simpanan.</p>				